



## "JAUHI ZINA".1

1	أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾ <sup>1</sup>	2
	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ	3
	. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿...﴾	4
	<b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah Sekalian,</b>  Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala yang diperintahkan-Nya dan meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Semoga kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang berjaya di dunia dan di akhirat.	5
	Pada hari yang mulia ini, mimbar Jumaat akan membicarakan khutbah yang bertajuk " <b>Jauhi zina</b> ".  <b>Muslimin yang berbahagia,</b>	6
	Zina adalah salah satu daripada perbuatan dosa besar yang keji dan terkutuk dalam Islam. Perbuatan ini boleh menimbulkan berbagai-bagai kerosakan dalam masyarakat. Allah SWT bukan sahaja melarang perbuatan zina itu sendiri bahkan melarang apa-apa juga perbuatan yang boleh membawa kepadanya.	7

<sup>1</sup> al-Maidah : 54



<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 32 seperti mana yang telah dibacakan di awal khutbah tadi yang bermaksud:</p> <p><i>"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)".</i></p>	8
<p>Al-imam Ibnu Kathir menjelaskan bahawa Allah SWT melarang hamba-hamba-Nya daripada perbuatan zina dan mendekatinya serta melakukan perkara-perkara yang membawa kepadanya.</p>	9
<p>Perbuatan zina ini boleh menyebabkan rosaknya nasab keturunan dengan lahirnya anak luar nikah, mengundang kepada penyakit-penyakit berbahaya seperti HIV/AIDS, sifilis dan sebagainya, meruntuhkan institusi kekeluargaan yang dibina secara sah, pergaduhan antara suami dan isteri dan sebagainya.</p>	10
<p>Mengikut statistik pendaftaran kelahiran, lebih 25 ribu anak tidak sah taraf didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sejak 2019 sehingga Januari 2020 termasuk bagi kelahiran yang tidak mencukupi 6 bulan Kamariah daripada tarikh nikah ibubapanya.</p>	11
<p>Oleh kerana perbuatan zina adalah suatu dosa besar di sisi Allah SWT, maka Nabi SAW memberi amaran bahawa perzinaan yang sebenar akan dimulai dengan percakapan, penglihatan dan khayalan serta keinginan nafsu untuk melakukan perbuatan keji tersebut.</p>	12



<p>Dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'Anhu, Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ عَلَى ابْنِ آدَمَ حَظَّهُ مِنَ الزَّيْنَاءِ، أَدْرَكَ ذَلِكَ لَا مَحَالَةَ، فَرَزْنَا الْعَيْنَ النَّظْرُ، وَرَزْنَا اللِّسَانَ الْمَنْطِقُ، وَالنَّفْسُ تَمَنَّى وَتَشْتَهِي، وَالْفَرْجُ يُصَدِّقُ ذَلِكَ كُلَّهُ وَيُكَذِّبُهُ</p>	13
<p><i>“Sesungguhnya Allah telah menetapkan bahagian zina untuk setiap anak Adam, dia akan mendapatkannya dan tidak boleh dihindari, maka zina mata dengan melihat, zina lidah dengan ucapan, zina hati dengan membayangkan dan merasakan syahwat, sedangkan kemaluan membenarkan semua itu atau mendustakannya”</i></p> <p>(Riwayat al-Bukhari)</p>	14
<p>Bagi menghalang kesan buruk akibat daripada perbuatan zina ini, Allah SWT telah menetapkan hukuman yang berat kepada pelaku zina. Firman Allah SWT menerusi surah al-Nur ayat 2:</p> <p>الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيَشْهَدَ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾</p>	15
<p>“Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum ugama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman.”</p>	16



<p>Rasulullah SAW juga pernah memberi amaran kepada pelaku zina menerusi hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu 'Anhu, Baginda bersabda:</p> <p>ثَلَاثَةٌ لَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ - قَالَ أَبُو مُعَاوِيَةَ: وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ - وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ: شَيْخُ زَانَ، وَمَلِكُ كَذَّابٌ، وَعَائِلٌ مُسْتَكْبِرٌ</p>	17
<p><i>“Tiga golongan di mana Allah SWT tidak akan berbicara kepada mereka pada Hari Kiamat dan tidak menyucikan mereka (daripada dosa-dosa) Dan Allah SWT tidak akan melihat mereka” dan bagi mereka azab yang pedih: iaitu orang tua yang berzina, raja yang pendusta dan orang miskin yang sombong.”</i></p> <p><i>(Riwayat Muslim)</i></p>	18
<p><b>Muslimin, tetamu Allah yang dirahmati sekalian,</b></p> <p>Kini, zina tidak lagi dilakukan secara tersembunyi. Seorang lelaki yang digelar sebagai <i>sugar daddy</i> boleh mendapatkan khidmat seorang wanita atau yang digelar sebagai <i>sugar baby</i> dengan mudah bagi melakukan perbuatan zina. Sejar dengan perkembangan teknologi, perbuatan tersebut boleh dilakukan dengan hanya menggunakan aplikasi dalam talian seperti <i>Sugarbook</i>. Pengasas kepada aplikasi berkenaan turut mendakwa bahawa aplikasi tersebut disertai seramai 14,000 pelajar universiti di Malaysia yang menjadi <i>sugar baby</i>. Keadaan ini berlaku akibat daripada keinginan untuk hidup mewah dan juga bagi memenuhi keperluan kewangan harian.</p>	19
<p>Ingatlah, rezeki yang dicari hendaklah daripada jalan yang halal. Jauhi diri daripada mencari rezeki dengan jalan yang tidak diredai Allah SWT. Setiap apa yang kita perolehi akan dipersoalkan di akhirat kelak</p>	20



<p>Dalam sebuah hadis daripada Ka'ab bin 'Ujrah Radhiallahu'anhu, Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>إِنَّهُ لَا يَرْبُو لَحْمٌ نَبَتَ مِنْ سُحْتٍ إِلَّا كَانَتْ النَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ</b></p> <p style="text-align: center;"><i>"Sesungguhnya tidak ada daging yang tumbuh dari sesuatu yang haram, kecuali neraka lebih layak baginya".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Tirmizi)</i></p>	21
<p>Banyak sumber rezeki yang boleh diperolehi secara halal berbanding dengan yang haram. Bagi para pelajar khususnya, pekerjaan separuh masa banyak ditawarkan dan boleh dimanfaatkan pada musim cuti bagi menampung keperluan kewangan harian. Ingatlah, hanya Allah SWT sahaja Maha Pemberi Rezeki. Mohonlah kepada-Nya dengan mentaati segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.</p>	22
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Talaq ayat 2 dan 3:</p> <p style="text-align: center;"><b>وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ۖ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ</b></p>	23
<p>"Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. "</p>	24
<p>Allah SWT Maha Pengampun. Bertaubatlah kepada-Nya dan kembalilah ke pangkal jalan sebelum terlambat. Mudah-mudahan taubat kita diterima oleh-Nya dan dimasukkan ke dalam golongan hamba-hamba-Nya yang berjaya di dunia dan di akhirat.</p>	25



<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 5:</p> <p>وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ، وَلَٰكِن مَّا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ ۖ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٥﴾</p>	26
<p>“Dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya. Dan (ingatlah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”</p>	27
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Bagi mengakhiri khutbah kali ini, marilah kita renung dan ambil pengajaran terhadap perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa larangan mendekati perbuatan zina merupakan perintah Allah SWT yang wajib dipatuhi.</li><li>2. Umat Islam hendaklah memelihara diri dan ahli keluarga daripada terjerumus ke lembah maksiat seperti zina yang diharamkan oleh Allah SWT.</li><li>3. Umat Islam hendaklah berwaspada dengan bisikan dan hasutan syaitan yang sentiasa menyuruh untuk melakukan kejahatan dan perkara-perkara yang keji.</li></ol>	28



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطَوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ ﴿١٦٨﴾ إِنَّمَا يَأْمُرُكُمْ بِالسُّوءِ وَالْفَحْشَاءِ وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٦٩﴾</p>	29
<p>“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu. Ia hanya menyuruh kamu melakukan kejahatan dan perkara-perkara yang keji, dan (menyuruh) supaya kamu berkata (dusta) terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui (salah benarnya)”.</p> <p>(Surah al-Baqarah : 168-169)</p>	30
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	31
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	32



## KHUTBAH KEDUA


<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ</p>	3
<p>Marilah kita sama-sama mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat kepada Allah SWT. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita senantiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak covid 19. Semoga ianya dapat dibanteras dengan berkesan dan diakhiri segera.</p>	5
<p>Yakinlah di sebalik setiap kegelapan itu, pasti ada cahaya yang akan menerangi kehidupan. Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mengambil vaksin dengan mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera dan Selangkah serta lain-lain cara yang membolehkan kita mendapat suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.</p>	6
<p>Malah kita tidak perlu gusar dan ragu-ragu lagi apabila menerima suntikan tersebut ketika berpuasa di bulan Ramadhan. Ianya telah diperhalusi dan diperbincangkan untuk menetapkan hukum keharusannya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke 118 yang bersidang pada 16 hingga 17 Februari 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang telah bersidang pada 9 Mac 2021.</p>	7





<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi Prosedur Operasi Standart (SOP) dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak penyakit Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.</p>	8
<p>قَالَ اللهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾</p>	9
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	11
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	12
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعِيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،</p>	13
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.</p>	14
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالنُّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَعَكُّوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	15



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p>	16
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	18
<p>اَللّٰهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيْفُ اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ وَّبِالْاِجَابَةِ جَدِيْرٌ.</p>	19
	20
<p>عِبَادَ اللهِ، اِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِتَايِ ذِي الْقُرْبٰى وَيَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَآءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿١٠٦﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوْا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوْهُ اِنَّ نِعْمَةَ رَبِّكُمْ لَا تُحْصٰى اِنَّكُمْ لَعِنْدَهُ لَشٰكِرُوْنَ. اَللّٰهُ اَكْبَرُ وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.</p>	22



*Khutbah Jumaat 26 Mac 2021M / 12 Sya'ban 1442H: "Jauhi Zina".  
Jabatan Agama Islam Selangor*